

# PERATURAN SUKAN MASUM



## TENIS

---

### 1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Kecuali apa yang tersebut di dalam peraturan yang menguasai pertandingan ini, maka Undang-Undang Persekutuan Tenis Antarabangsa hendaklah diikuti.

### 2. PERATURAN PERTANDINGAN

Mengikut Undang-Undang dan Peraturan Am Pertandingan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan sukan ini.

### 3. JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan antara pasukan Universiti-Universiti Awam Malaysia dan universiti Jemputan MASUM.

### 4. PEMBENTUKAN PASUKAN

4.1 Lelaki : Tiap-tiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih daripada 10 orang pemain

Wanita : Tiap-tiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih daripada 7 orang pemain

4.2 Bagi kategori lelaki setiap universiti hanya boleh menghantar Dua (2) perseorangan dan Tiga (3) beregu.

4.3 Bagi kategori wanita setiap universiti hanya boleh menghantar Satu (1) perseorangan dan Dua (2) beregu.

4.4 Pemain tidak dibenarkan menyertai 2 permainan.

4.5 Borang pendaftaran pemain hendaklah diserahkan kepada jawatankuasa pengelola sebelum pertandingan dimulakan.

4.6 Hanya pemain yang didaftarkan dalam borang pendaftaran sahaja dibenarkan bermain dalam pertandingan ini.



# PERATURAN SUKAN MASUM

## 5. PERMAINAN

- 5.1 Permainan dipertandingkan (Lelaki)
  - 5.1.1 Perseorangan lelaki pertama
  - 5.1.2 Beregu lelaki pertama
  - 5.1.3 Perseorangan lelaki kedua
  - 5.1.4 Beregu lelaki kedua
  - 5.1.5 Beregu lelaki ketiga
- 5.2 Permainan dipertandingkan (Wanita)
  - 5.2.1 Perseorangan wanita pertama
  - 5.2.2 Beregu wanita pertama
  - 5.2.3 Beregu wanita kedua
- 5.3 Masa  
Semua perlawanan akan dimulakan mengikut Jadual Pertandingan yang telah ditetapkan.

## 6. SISTEM PERTANDINGAN

- 6.1 Dijalankan secara mengikut Peraturan Am (9) Sukan MASUM.
- 6.2 Pusingan awal dan suku akhir akan ditentukan dengan kiraan pro set first to reach 9 (8/8 tie break)
- 6.3 Keputusan perlawanan separuh akhir dan akhir akan ditentukan dengan tiga set terbaik (Best of 3 set)
- 6.4 Sistem kiraan tambahan (Tie Break System) akan dijalankan apabila kiraan 'game' meningkat Enam (6) sama di dalam sesuatu set.

## 7. CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN KUMPULAN

- 7.1 Cara memberi mata:

Menang	-	2 mata
Kalah	-	0 mata
- 7.2 Jika dua (2) atau lebih mendapat jumlah mata yang sama maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:-
  - 7.2.1 Pasukan yang memenangi bilangan perlawanan yang terbanyak dikira menang.
  - 7.2.2 Jika masih seri, pasukan yang memenangi bilangan set yang terbanyak dikira menang.



## PERATURAN SUKAN MASUM

7.2.3 Jika masih seri, pasukan yang mendapat perbezaan set yang terbanyak dikira menang.

7.2.4 Jika masih seri lagi, pasukan yang pernah mengalahkan lawannya dikira menang.

### 8. PAKAIAN

Sebaik-baiknya berwarna putih dan bersesuaian dengan permainan. Sila rujuk Peraturan Am (7.0) MASUM

### 9. KELEWATAN

Hanya 15 minit sahaja akan diberi kepada seseorang pemain yang lewat dan selepas masa itu, pihak lawannya akan diberi kemenangan percuma bagi pusingan kalah mati dan kiraan 9-0 bagi pusingan awal.

### 10. PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIBERHENTIKAN

Sekiranya pengadil berpendapat bahawa gelanggang tidak sesuai untuk permainan disebabkan oleh keadaan cuaca atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan perlawanan itu tidak dapat dimainkan, atau sekiranya sesuatu perlawanan diberhentikan akibat hal-hal diluar kawalan kedua-dua pasukan, maka perlawanan yang ditunda atau diberhentikan itu hendaklah dilangsungkan pada masa yang akan ditentukan oleh jawatankuasa pengelola.

### 11. BANTAHAN/RAYUAN

Mengikut Peraturan Am Sukan MASUM (Perkara 13.0 dan 15.0).

### 12. PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Sila rujuk Peraturan Am (21.0) MASUM